



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2005**

---

**GARIS PANDUAN MENGENDALIKAN GANGGUAN  
SEKSUAL DI TEMPAT KERJA DALAM  
PERKHIDMATAN AWAM**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2005**

---

**GARIS PANDUAN MENGENDALIKAN GANGGUAN  
SEKSUAL DI TEMPAT KERJA DALAM  
PERKHIDMATAN AWAM**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2005**

---

## **GARIS PANDUAN MENGENDALIKAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan menerangkan pelaksanaan Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

### **LATAR BELAKANG**

2. Gangguan seksual seperti perbuatan atau pernyataan yang bersifat seksual boleh memberi kesan negatif ke atas semangat pekerja dan prestasi kerja. Gangguan seksual turut menimbulkan suasana persekitaran kerja yang serba salah, menakutkan, berasa terancam dan lain-lain kesan negatif yang menjejaskan suasana perhubungan yang harmoni di tempat kerja. Ia juga dianggap perbuatan yang tidak bermoral dan melanggar batas-batas perhubungan serta nilai peribadi seseorang pegawai.

3. Gangguan seksual merupakan salah satu perlakuan yang dilarang mengikut **peraturan 4A Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**. Sekiranya seseorang Pegawai Awam didapati telah melakukan gangguan seksual, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana telah melanggar peraturan 4A atau peraturan 4(2)(d), Peraturan Pegawai Awam.

#### **PELAKSANAAN GARIS PANDUAN**

4. Matlamat utama garis panduan ini adalah bersifat untuk mendidik, memberi kefahaman dan sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan serta salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual. Melalui usaha ini ia diharapkan dapat memelihara perhubungan di tempat kerja agar lebih harmoni, saling hormat menghormati dan meningkatkan nilai budi bahasa serta integriti pegawai.

5. Garis panduan ini mengandungi huraian lanjut berhubung kategori dan jenis perlakuan gangguan seksual, kesan-kesannya, tindakan untuk mengendalikan gangguan seksual di tempat kerja dan langkah-langkah pencegahan.

6. Pelaksanaan [Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam](#) adalah seperti di lampiran berkembar.

#### **TARIKH KUATKUASA**

7. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

#### **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.


## **PERTANYAAN**

9. Sebarang pertanyaan berhubung Pekeliling Perkhidmatan ini bolehlah dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan Psikologi  
Aras 7, Blok C1, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**

No. Telefon : 03-8885 3695/ 3704/ 3708/ 3715  
No. Faksimili : 03-8889 2178  
E-mel : [dasarbps@jpa.gov.my](mailto:dasarbps@jpa.gov.my)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

26 OGOS 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan